

08/01/2004

Pembangkang beri reaksi berbeza

KUALA TERENGGANU: Pemimpin parti pembangkang memberikan reaksi berbeza berhubung perlantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri, semalam.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berharap pelantikan itu akan menyuburkan demokrasi dengan perubahan terhadap hak asasi seperti kebebasan bersuara yang perlu diberikan kepada semua pihak.

Beliau berkata, pelantikan itu adalah hak dan tanggungjawab Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang boleh melantik siapa saja yang layak.

Pada masa sama Pas yakin pelantikan Najib tidak mempunyai kaitan dengan pilihan raya umum akan datang kerana jawatan itu adalah untuk membantu Perdana Menteri dalam urusan pentadbiran negara.

Abdul Hadi berkata, Pas tidak gentar dengan pelantikan itu kerana mendakwa Pas berdepan dengan parti dan bukannya individu.

Pengerusi Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang pula percaya pilihan raya umum semakin hampir dan mungkin diadakan dalam tempoh `hari seratus kedua' Abdullah memegang jawatan itu.

"Pelantikan Najib bukan kejutan," katanya.

Presiden Parti Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, berkata pelantikan Najib jelas mengikut pilihan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Walaupun ada muka baru, tetapi tidak ada sebarang perubahan sebenarnya kerana pilihan serta dasar bekas PM masih menjadi ikutan," katanya.

Kerajaan Pas Kelantan pula yakin gandingan Perdana Menteri dan timbalannya mempunyai satu wawasan yang boleh memberi manfaat kepada sektor perniagaan dan kebajikan umat Islam negara ini.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman, berkata kerajaan negeri menyambut baik pelantikan Najib kerana ia tepat pada masanya.

"Saya yakin Perdana Menteri melantik Najib sebagai timbalannya adalah pilihan yang tepat kerana beliau lebih arif mengenainya.

"Kepimpinan mereka berdua adalah gabungan mantap yang boleh membawa perubahan kepada dasar politik negara ini dan diharap memberi manfaat kepada rakyat khususnya umat Islam," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan berharap Najib akan melaksanakan dasar lebih terbuka tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

"Perlantikan Najib adalah hak pemimpin Barisan Nasional (BN) sendiri dan diharap memberi perubahan positif kepada situasi politik, agama dan bangsa," katanya.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock pula menyifatkan pelantikan itu bukan sesuatu mengejutkan kerana Najib sejak awal diramal sebagai Timbalan Perdana Menteri walaupun ada calon lain.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Melaka mengucapkan tahniah atas pelantikan itu dan berharap Najib dapat bekerjasama dengan Abdullah membawa perubahan kepada rakyat dan negara.